

FIQH AL-BĪ'AH: PRINSIP INTERAKSI MANUSIA DENGAN ALAM PERSEKITARAN*

Zahari Mahad Musa**

ABSTRACT

Pollution should be dealt with seriously by all relevant parties. The media discovered a number of environmental offenses including toxic dumping and illegal logging. The need to understand fiqh al-bī'ah has been there in Islamic law. There is a need to address the failure of understanding the importance of this matter. Placing fiqh al-bī'ah in its proper place ensures the sustainability of the environment thus encourages the community growth in cleaner environment. This article aims to discuss the Syarī'ah principles with regards to human and environment relationship based on Islamic legal texts of al-Quran and al-Sunnah. The surrounding discussion in this paper focuses the role of human, given the faculty of mind, as administrators of the earth towards it betterment and not the vice versa. The study of fiqh al-bī'ah unveils the beauty of Islam in addressing environmental concerns and matters related to it.

Keywords: *Islam and environment, principles of Islamic jurisprudence*

* Draf asal artikel ini telah dibentangkan di Seminar Fiqh dan Pemikiran Islam Lestari Anjuran Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang pada 29-30 Oktober 2008 dengan tajuk: “*Fiqh al-Bī'ah: Prinsip Pembangunan Komuniti dengan Alam Persekitaran yang Lestari*”.

** Lecturer, Faculty of Syariah and Law, Islamic Science University of Malaysia, Negeri Sembilan, zahari@usim.edu.my.

PENDAHULUAN

Hubungan manusia dengan alam persekitaran serta unsur-unsur di dalamnya adalah rapat dan tidak boleh dipisahkan. Interaksi dengan alam ini menjadi sebahagian bukti keagungan Pencipta yang menjadikan kepelbagaian penciptaan demi menyokong kelangsungan hidup manusia di alam ini. Firman Allah S.W.T:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ مَهْدًا وَسَلَكَ لَكُمْ فِيهَا سُبُلًا وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِّنْ نَّبَاتٍ شَتَّى ﴿٢٠﴾ كُلُوا وَارْعَوْا أَنْعَمَكُمُ ۖ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿٢١﴾

“(Dia-lah Tuhan) yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan ia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan lalu-lalang; dan ia juga telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlainan keadaannya. Makanlah kamu daripadanya dan berilah makan binatang-binatang ternak kamu; Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kemurahan Allah, bagi orang-orang yang berakal fikiran.”

(Surah Taha, 20: 53-54)

Dalam firman Allah S.W.T. yang lain:

وَالْأَرْضَ مَدَدْنَاهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوْسِيَ وَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ شَيْءٍ مَّوْزُونٍ ﴿٢٢﴾ وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعِيشَ وَمِنْ لَّسْتُمْ لَهُ بِرَازِقِينَ ﴿٢٣﴾ وَإِنَّ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا عِنْدَنَا خَزَائِنُهُ وَمَا نُنَزِّلُهُ إِلَّا بِقَدَرٍ مَّعْلُومٍ ﴿٢٤﴾

“Dan bumi ini kami bentangkan, dan kami letakkan padanya gunung-ganang yang kukuh terdiri, serta kami tumbuhkan padanya tiap-tiap sesuatu yang tertentu timbangannya. Dan kami jadikan untuk kamu pada bumi ini segala keperluan hidup, juga kami jadikan makhluk-makhluk yang kamu bukanlah orang yang sebenar menyediakan rezekinya. Dan tidak ada sesuatupun melainkan pada sisi kami sahaja perbendaharaannya dan kami

tidak menurunkannya melainkan dengan menurut kadar dan masa yang tertentu.”

(Surah al-Hijr, 15: 19-21)

Hakikatnya, manusia merupakan sebahagian daripada alam keseluruhannya yang bertindak sebagai pentadbir alam persekitaran. Manusia sebagai makhluk istimewa dengan akal yang waras sewajarnya mentadbir alam ini dengan adil dan memikul tanggungjawab dengan penuh amanah. Kepincangan serta ketidakstabilan mengurus alam berpunca daripada tindakan manusia itu sendiri yang tidak mahu memahami dan menghargai kepentingan persekitaran kepada kelangsungan hidup sebagaimana firman Allah S.W.T:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ
الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

“Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka, sebahagian daripada akibat perbuatan mereka, agar mereka kembali ke jalan yang benar.”

(Surah al-Rūm, 30: 41)

Oleh yang demikian, peranan akal dalam memahami kejadian alam dan persekitaran sangatlah dituntut agar hubungan manusia dan alam terbina dalam interaksi yang lestari dan tidak akan dipersoalkan tentang tanggungjawab yang dilaksanakan. Firman Allah S.W.T:

وَفِي الْأَرْضِ آيَاتٌ لِلْمُوقِنِينَ ﴿٥١﴾ وَفِي أَنْفُسِكُمْ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٥٢﴾

“Dan pada bumi ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah) bagi orang-orang (yang mahu mencapai pengetahuan) yang yakin, dan juga pada diri kamu sendiri. maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?”

(Surah al-Dhāriyāt, 51: 20-21)

FIQH AL-BĪ'AH DAN KEDUDUKANNYA DALAM ILMU FIQH

Secara literalnya, *fiqh al-bī'ah* merupakan gabungan dua perkataan Arab, iaitu; *fiqh* dan *bī'ah*. Fiqh dari segi bahasa bermaksud kefahaman. Manakala dari sudut istilah ia membawa maksud setiap hukum syarak yang berbentuk praktikal yang berasaskan sumber-sumber syariat yang terperinci.¹ Perkataan *bī'ah* (*environment*) pula bermaksud kediaman dan sesuatu keadaan dari sudut bahasa. Dari sudut istilah ia boleh diertikan sebagai lingkungan persekitaran yang didiami oleh manusia itu sendiri. Unsur penting dalam persekitaran tersebut ialah melibatkan makhluk bernyawa lain seperti binatang dan unsur semula jadi yang meliputi tiga komponen utama iaitu tanah, air dan udara.²

Istilah "*bī'ah*" tidak digunakan secara khusus di dalam nas syarak iaitu al-Quran dan al-Sunnah, akan tetapi ia dapat difahami apabila komponen-komponen penting berkaitan alam persekitaran disentuh secara langsung di dalam nas-nas tersebut. Sebagai contoh, istilah *ard* (bumi atau daratan) disebut sebanyak 459 kali, *mā'* (air) sebanyak 59 kali dan *samā'* (langit) sebanyak 120 kali.³

Selain daripada itu, terdapat beberapa surah di dalam al-Quran yang mengambil nama haiwan sebagai bukti kekuasaan Allah S.W.T dalam kepelbagaian penciptaan makhluknya seperti surah *al-Baqarah* (lembu), *al-An'ām* (binatang ternakan), *al-Naḥl* (lebah), *al-Naml* (semut), *al-'Ankabūt* (labah-labah) dan *al-Fīl* (gajah).⁴ Perincian surah-surah al-Quran yang melibatkan komponen alam sekitar adalah seperti berikut⁵:

¹ Muḥammad al-Dasūqī dan Aminah Jabir (t.t.), *Muqaddimah fī Dirasat al-Fiqh al-Islāmī*. Qatar: Dār al-Thaqāfah. h. 52.

² Al-Zuhayli, Wahbah (2007), *Mawṣū'ah fī al-Fiqh al-Islāmī*. T.Tp: Dār al-Maktabi. h. 221.

³ Lihat perincian istilah-istilah berkaitan persekitaran daripada beberapa karya berbentuk indeks dan glosari istilah al-Quran dalam Muḥammad Naif Ma'rūf (2000), *al-Muḥjam al-Mufaḥras li Mawāḍī' al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Nafā'is; Usāmah Kāmil Abū Shaqrā (2001), *Dalīl al-Mawḍū'āt fī al-'Ayāt al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: Mu'assasah al-Rayyan; Muḥammad Khalīl 'Itānī (2000), *al-Mu'jam al-Mufaḥṣṣal li Mawāḍī' al-Qur'ān al-Munazzal*. Beirut: Dar al-Ma'rifat.

⁴ Muḥammad Sami Muḥammad 'Alī (t.t.), *al-I'jāz al-'Ilmi fī al-Qur'ān al-Karīm*. Damsyiq: Dār al-Maḥabbah. h. 21.

⁵ Al-Quran, lihat juga perincian tersebut dalam karya Muḥammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī (1982), *al-Mu'jam al-Mufaḥṣṣal li Alfāz al-Qur'ān*. Turki: al-Maktabah al-Islamiyyah.

Jadual 1: Komponen Persekitaran dalam Surah al-Quran

Komponen <i>al-Bī'ah</i> (Persekitaran)	Nama Surah dan Takrifnya	Susunan surah dalam <i>Maṣḥaf</i>
Komponen Haiwan	<i>Al-Baqarah</i> (lembu)	2/114
	<i>Al-An'ām</i> (binatang ternakan)	6/114
	<i>Al-Fīl</i> (gajah)	105/114
	<i>Al-'Adiyāt</i> (kuda)	100/114
Komponen Serangga	<i>Al-Nahl</i> (lebah)	16/114
	<i>Al-Naml</i> (semut)	27/114
	<i>Al-'Ankabūt</i> (labah-labah)	29/114
Komponen Tumbuhan	<i>Al-Tīn</i> (pokok tin)	95/114
Komponen Logam	<i>Al-Ḥadīd</i> (besi)	57/114
Komponen Alam Semesta	<i>Al-Ra'd</i> (petir)	13/114
	<i>Al-Dhāriyāt</i> (angin)	51/114
	<i>Al-Najm</i> (bintang)	53/114
	<i>Al-Fajr</i> (waktu fajar)	89/114
	<i>Al-Shams</i> (matahari)	91/114
	<i>Al-Layl</i> (waktu malam)	92/114
	<i>Al-Ḍuḥā</i> (waktu duha)	93/114
	<i>Al-'Asr</i> (masa atau waktu asar)	103/114
	<i>Al-Tūr</i> (nama bukit)	51/114
	<i>Al-Balad</i> (mekah)	90/114
Komponen Kawasan Geografi	<i>Al-Aḥqāf</i> (nama satu kawasan di semenanjung Arab)	46/114
	<i>Al-Ḥajr</i> (batu)	15/114
	<i>Al-Kahf</i> (gua <i>aṣḥāb al-kahf</i>)	18/114

Oleh itu, *fiqh al-bī'ah* boleh difahami sebagai hukum-hukum atau peraturan praktikal yang berkaitan dengan hubungan manusia secara langsung dengan alam sekitar. Pendefinisian ini adalah hasil kedua-dua gabungan perkataan *fiqh* dan *al-bī'ah* daripada sudut bahasa.⁶

Keperluan dalam memahami (*fiqh*) alam sekitar (*bī'ah*) bukanlah suatu yang baru. Perbincangan tentang hukum-hukum yang berkaitan alam sekitar secara khusus mungkin dipandang sepi kerana fokusnya tidaklah setanding

⁶ Penulis tidak mendapati definisi khusus berkaitan istilah ini daripada mana-mana penulisan lain. Terdapat seorang penyelidik iaitu Dr Anas Mustafa Abu 'Ata yang menghuraikan konsep *fiqh al-bī'ah* dalam perundangan Islam. Namun, beliau juga tidak membuat perincian definisi terhadap istilah tersebut. Lihat: Anas Mustafa Abu 'Ata (1994), "*Fiqh al-Bī'ah fī al-Sharīḥ al-Islāmīyyah*", (Disertasi Doktor Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia).

dengan dua fokus utama fiqh yang lain iaitu berkaitan ibadah (tumpuan perbincangan kepada urusan hamba dengan Pencipta - *ḥabl min Allāh*) dan muamalat (tumpuan kepada urusan sesama manusia - *ḥabl min al-nās*). Ibadah dan muamalah merupakan dua pembahagian utama yang berkaitan hukum syarak setelah istilah fiqh dikenali sebagai satu disiplin ilmu dalam perundangan Islam.⁷

Walau bagaimanapun, terdapat pertautan yang rapat antara persekitaran (*al-bī'ah*) dengan kedua-dua pembahagian fiqh tersebut. Perbincangan ulama terhadap hukum-hukum berkaitan alam sekitar diselitkan dengan perbincangan isu-isu ibadah mahupun muamalah yang sedia ada. Dalam bab ibadah, isu-isu kebersihan (*ṭahārah*) telah lama dibincangkan sama ada berkaitan diri individu mahupun persekitaran kerana ia merupakan syarat kepada perlaksanaan tuntutan kewajipan beberapa ibadah khusus seperti solat, haji dan sebagainya. Ulama fiqh turut membuat perincian dalam beberapa aspek berkaitan air dan najis dalam karya-karya agung mereka berdasarkan saranan yang diberikan oleh Rasulullah S.A.W⁸. Dalam bab muamalat atau adat, beberapa isu berkaitan alam sekitar turut disentuh. Sebagai contoh, perundangan Islam yang menyentuh tentang tuntutan menghidupkan tanah terbiar (*ihyā' al-mawār*), penstrukturan kawasan tanah (*al-ḥima* dan *iqṭā'*) dan sebagainya telah dibincangkan oleh kebanyakan ilmuwan fiqh.⁹

Justeru, pembahagian *fiqh al-bī'ah* sebagai cabang disiplin ilmu fiqh secara tersendiri berlaku dalam zaman mutakhir sesuai dengan kondisi masyarakat pada masa kini yang melihat berlaku kepincangan dalam memahami penjagaan alam sekitar.¹⁰ Dalam hal ini, Mustafa Abu Sway turut berpendapat memelihara *bī'ah* (persekitaran) merupakan tambahan yang penting kepada *maqāṣid syarī'ah* yang lima (agama, nyawa, akal, keturunan dan harta). Beliau mencadangkan *maqāṣid syarī'ah* akan mengalami perubahan dengan menjadikannya enam unsur penting. Ini kerana, setiap penjagaan terhadap lima *maqāṣid* tersebut tidak akan terhasil melainkan manusia itu memiliki ruang persekitaran yang baik serta berkualiti bagi meneruskan pemeliharaan unsur *maqāṣid* yang lain.¹¹ Walau bagaimanapun, Yūsuf al-Qarāḍāwī tidak melihat penjagaan alam

⁷ Muḥammad al-Ḍasūqī dan Aminah Jabir (t.t.), *op.cit.*, h. 66.

⁸ 'Abd Allāh Qāsim al-Waṣḥlī (1429), "al-Tawjīh al-Taṣhrī'ī al-Islāmī fī Nazāfat al-Bī'ah wa Ṣiḥḥatihā", *Majallat Jamī'ah Umm al-Qurā*, Bil. 44, hh. 371-415.

⁹ Fazlun M. Khalid (2002), "Islam and The Environment", *Encyclopedia of Global Environmental Change*. Chichester: John Wiley and Sons Ltd, Vol 5, hh. 332-339.

¹⁰ Mohamad Akram Laldin (2006), *Introduction to Shariah and Islamic Jurisprudence*. Kuala Lumpur: CERT Publications, h. 11.

¹¹ Mustafa Abu Sway (2008), "Towards an Islamic Jurisprudence of The Environment", <http://www.iol.ie/~afifi/Articles/environment.htm>, 30 Ogos 2008.

sekitar sebagai tambahan kepada unsur *maqāṣid* yang sedia ada, akan tetapi menjadikannya elemen penyokong kepada kesempurnaan bagi kelima-lima unsur penjagaan dalam *maqāṣid syarī'ah* yang sedia ada.¹²

PRINSIP-PRINSIP INTERAKSI MANUSIA DENGAN ALAM SEKITAR

Kefahaman terhadap *fiqh al-bī'ah* mempunyai kepentingan yang tersendiri yang didasari daripada tugas manusia di muka bumi ini. Ia bukan melibatkan hubungan material dan fizikal semata-mata tetapi ia juga berasaskan kepercayaan dan nilai tauhid kepada Allah S.W.T.¹³

Manusia Adalah Khalifah Kepada Persekitaran

Kewujudan individu Muslim di muka bumi ini mempunyai dua tugas yang utama iaitu menjadi hamba yang taat dan khalifah yang adil. Pertautan antara dua tugas ini adalah seiring dan tidak boleh dipisahkan. Realiti ini ditegaskan oleh Allah S.W.T melalui firmanNya:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

“Tidak aku jadikan jin dan manusia itu melainkan untuk beribadat kepadaKu.”

(Surah al-Dhāriyāt, 51: 56)

Dalam surah yang lain, Allah berfirman:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ^{١٤}

“Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian yang lain beberapa darjat, untuk mengujimu tentang apa yang diberikan-Nya kepadamu.”

(Surah al-An‘ām, 6:165)

¹² Al-Qaraḍāwī, Yūsuf (2001), *Ri‘āyah al-Bī'ah fī Syarī'ah al-Islām*. Kaherah: Dār al-Shurūq, hh. 46-55.

¹³ Mustafa Abu Sway (2008), *op.cit.*; Sayed Sikandar Shah Haneef (2005), *Ethics and Fiqh for Daily Life: An Islamic Outline*. Kuala Lumpur: Research Centre IIUM, h. 175; al-Qaraḍāwī (2001), *op.cit.*

Imam Ibn Kathīr telah menerangkan maksud perkataan penguasa di bumi (*khalā'if al-ard*) dalam ayat tersebut sebagai pelaksana untuk memakmurkannya dari masa ke semasa bagi digunakan oleh generasi akan datang.¹⁴ Ini bermakna, kesinambungan tugas khalifah bukan terbatas kepada satu generasi atau kumpulan tertentu sahaja, tetapi ia adalah tanggungjawab yang berterusan. Khalifah dalam erti yang mudah bermaksud menjaga kesucian Islam sebagai agama dan mentadbir dunia dengannya.¹⁵

Oleh itu, dua peranan utama manusia dijadikan di muka bumi ini secara tidak langsung menuntut mereka untuk lebih prihatin kepada alam sekelilingnya. Alam sekitar perlu diurus tadbirkan dalam keadaan yang betul demi keselamatan manusia itu sendiri serta keseimbangan makhluk-makhluk tuhan yang lain. Ia juga dianggap amanah Allah S.W.T untuk dipelihara, dijaga dan dikawal daripada sebarang bentuk penyelewengan. Kesemuanya ini menjadi bukti kesyukuran hamba terhadap Penciptanya dan tidak digolongkan daripada kalangan orang yang kufur akan nikmat. Firman Allah S.W.T:

هُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ ۖ فَمَنْ كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُ ۖ وَلَا يَزِيدُ الْكَافِرِينَ
كُفْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ إِلَّا مَقْتًا ۖ وَلَا يَزِيدُ الْكَافِرِينَ كُفْرُهُمْ إِلَّا خَسَارًا ﴿٣٩﴾

“Dialah yang menjadikan kamu khalifah-khalifah di muka bumi. Barangsiapa yang kafir; maka akibat kekafirannya menimpa dirinya sendiri. Dan kekafiran orang-orang yang kafir itu tidak lain hanyalah akan menambah kemurkaan pada sisi Tuhannya, dan kekafiran orang-orang yang kafir itu tidak lain hanyalah akan menambah kerugian mereka belaka.”

(Surah Fāṭir, 35: 39)

Justeru itu, tugas khalifah di muka bumi ini dianggap sebagai prinsip utama yang mendasari keperluan memahami *fiqh al-bī'ah* itu sendiri. Manusia adalah sebahagian daripada persekitaran yang diberi amanah dan dipertanggungjawabkan ke atas alam itu sendiri.

¹⁴ Ibn Kathīr, Abu al-Fidā' Ismā'īl (1996), *Tafsīr al-Qurān al-'Azīm*. Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, h. 185.

¹⁵ Al-Māwardī, 'Alī ibn Muḥammad (1985), *al-Aḥkām al-Sulṭānīyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmīyyah, h. 5.

Memanfaatkan Anugerah (*Taskhīr*) Alam Persekitaran

Semua makhluk ciptaan Allah S.W.T dijadikan adalah bagi kemaslahatan dan manfaat kepada manusia kerana semua ciptaan tersebut adalah nikmat. Tiada satupun dalam ciptaan Allah S.W.T yang sia-sia, malah semuanya mendatangkan kebaikan dan menolak sebarang bentuk keburukan. Hal ini seiring dengan prinsip keharusan menggunakan sesuatu yang mendatangkan manfaat berdasarkan kaedah *al-Istishāb* iaitu mengekalkan hukum sedia ada sehingga datangnya dalil yang mengubah hukum tersebut.¹⁶ Dalam hal ini, istilah *taskhīr* telah digunakan oleh al-Quran sebagai petunjuk kepada manusia untuk memahami setiap kejadian yang diciptakan boleh dimanfaatkan mengikut pelbagai situasi dan keadaan. Firman Allah S.W.T:

وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ

لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٥﴾

“Dan Dia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadanya. Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti.”

(Surah al-Jāthiyah, 45: 13)

Allah S.W.T berfirman dalam firman yang lain:

أَلَمْ تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُم مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ
نِعَمَهُ ظَهَرَ وَبَاطِنًا وَمِنَ النَّاسِ مَن يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى

وَلَا كِتَابٍ مُّنِيرٍ ﴿٤٦﴾

“Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan telah melimpahkan kepada kamu nikmat-nikmatNya yang *zahir* dan yang *batin*? Dalam pada itu, ada di antara manusia orang yang membantah mengenai (sifat-sifat) Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan atau sebarang

¹⁶ Idrīs Jum‘ah Durar Bashīr (t.t.), *al-Ra‘yu wa Atharuhu fī al-Fiqh al-Islāmī*. Kaherah: Dār Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, h. 469.

petunjuk; dan tidak juga berdasarkan mana-mana Kitab Allah yang menerangi kebenaran.”

(Surah Luqmān, 31: 20)

Allah S.W.T telah menyebut dalam firmanNya beberapa penciptaan seperti kejadian air, tanam-tanaman dan binatang, yang kesemuanya merupakan anugerah untuk kegunaan manusia dan mengambil pengajaran tentang kebesaran Tuhan. Firman Allah S.W.T:

وَاللَّهُ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ﴿٣١﴾ وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةً ۚ نُسْقِيكُمْ مِمَّا فِي بُطُونِهِ مِنْ بَيْنِ فَرْثٍ وَدَمٍ لَبَنًا خَالِصًا سَائِغًا لِلشَّارِبِينَ ﴿٣٢﴾ وَمِنْ ثَمَرَاتِ النَّخِيلِ وَالْأَعْنَابِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا ۚ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٣٣﴾ وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنْ اتَّخِذِي مِنْ آجِبَالٍ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ ﴿٣٤﴾ ثُمَّ كُلِي مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ ذُلُلًا ۚ تَخْرُجُ مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ ۚ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣٥﴾

“Dan Allah menurunkan hujan dari langit, lalu ia menghidupkan dengan air hujan itu akan bumi sesudah matinya; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kebijaksanaan Allah) bagi kaum yang mendengar (peringatan ini dan memahaminya). Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; (iaitu) susu yang bersih, mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya. Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akalny. Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah:

“Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia. Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu”. (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandung penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.”

(Surah al-Nahl, 16: 65-69)

Dalam menceritakan perihal kejadian langit dan bumi Allah berfirman:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ
مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَّكُمْ ۖ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفَلَكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ ۖ
وَسَخَّرَ لَكُمُ الْلَّيْلَ وَالنَّهَارَ ۚ

“Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya).”

(Surah Ibrāhīm, 14: 32)

Manakala kejadian manfaat daripada laut pula digambarkan oleh firman Allah S.W.T:

وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ الْبَحْرَ لِتَأْكُلُوا مِنْهُ لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُوا مِنْهُ حِلْيَةً
تَلْبَسُونَهَا وَتَرَى الْفَلَكَ مَوَاحِرَ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ ۚ وَلِعَلَّكُمْ
تَشْكُرُونَ ۝

“Dan Dia-lah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup, dan dapat pula mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya dan (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya; dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya; dan supaya kamu bersyukur.”

(Surah al-Nahl, 16: 14)

Kesemua dalil ini memberi gambaran tentang pertautan yang rapat antara manusia dalam mendapatkan manfaat daripada segala penciptaan Allah S.W.T. Semua kejadian dan penciptaan makhluk lain dalam alam ini adalah nikmat dan anugerah kepada manusia. Sewajarnya, nikmat tersebut dibalas dengan kebajikan yang dilakukan oleh manusia itu sendiri terhadap alam sekelilingnya. Ini kerana, kesemua manfaat dalam penciptaan alam semesta adalah sumber yang sangat bernilai dan seharusnya dihargai.

Memakmurkan Alam Persekitaran (‘Imar)

Kepentingan persekitaran kepada manusia juga didasari dengan usaha memakmurkan alam ini atau dikenali sebagai ‘imar. Firman Allah S.W.T:

أَوَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ كَانُوا أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً وَأَثَارُوا الْأَرْضَ وَعَمَرُوهَا أَكْثَرَ مِمَّا عَمَرُوهَا وَجَاءَتْهُمْ رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا كَانُوا لِيُظِلَّيْنَهُمْ وَلَكِنْ كَانُوا أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٩﴾

“Tidakkah mereka telah berjalan dan mengembara di muka bumi, serta memerhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu dari mereka? Orang-orang itu lebih kuat daripada mereka sendiri, dan orang-orang itu telah meneroka bumi serta memakmurkannya lebih daripada kemakmuran yang dilakukan oleh mereka, dan orang-orang itu juga telah didatangi oleh Rasul-rasulNya dengan membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (lalu mereka mendustakannya dan kesudahannya mereka dibinasakan). Dengan yang demikian, maka Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka, tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri.”

(Surah al-Rūm, 30: 9)

Hargai Keseimbangan *Sunnah Allāh* dalam Penciptaan Alam Semesta

Semua kejadian dalam penciptaan Allah dijadikan dengan penuh teliti dan memenuhi kebenaran. Ia saling berkaitan antara satu dengan yang lain bagi memenuhi satu sistem kehidupan yang dikenali dengan *sunnah Allāh*. Allah S.W.T berfirman dalam hal ini:

سُنَّةَ اللَّهِ فِي الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ قَبْلُ وَلَنْ تَجِدَ لِسُنَّةِ اللَّهِ تَبْدِيلًا ﴿٦٢﴾

“Yang demikian adalah menurut “sunnah Allāh” (undang-undang) peraturan Allah yang telah lalu; dan engkau tidak sekali-kali akan mendapati sebarang perubahan bagi “sunnah Allāh” itu.

(Surah al-Aḥzāb, 33: 62)

Dalam firmanNya yang lain:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ اللَّيْلِ وَالنَّجْمِ ۚ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

“Dia-lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia-lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesaranNya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikanNya).”

(Surah Yūnus, 10: 5)

Oleh yang demikian, setiap tindakan yang mengubah sistem sehingga berlakunya kepincangan adalah dianggap zalim dan menyalahi kebenaran dalam *sunnah Allāh* yang telah dibuat dengan penuh ketelitian. Imam al-Rāghib al-Aṣḥānī menerangkan maksud *sunnah Allāh* itu sebagai jalan yang ditetapkan mengikut kebijaksanaan Allah S.W.T dan jalan bagi mentaatinya.¹⁷

¹⁷ Al-Rāghib al-Aṣḥānī, al-Ḥusīn ibn Muḥammad (1998), *al-Mufradāt fī Ḥarīb al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 25.

Justeru itu, setiap manusia perlu bertindak menghargai alam persekitaran dan sentiasa memastikan sistem kehidupan alam persekitaran dalam keadaan yang terkawal sebagai kepatuhan kepada peraturan alam yang telah ditetapkan.¹⁸ Ketaatan kepada Allah merupakan matlamat utama bagi setiap tindakan yang dilakukan oleh manusia.

Menghormati Hak-hak Alam Sekitar

Isu hak dan tanggungjawab merupakan suatu yang sinonim dengan kehidupan manusia. Setiap individu mempunyai hak yang menjadi tanggungjawab pihak lain untuk menghormatinya dan begitu juga sebaliknya. Alam persekitaran turut memiliki hak yang wajib dihormati oleh manusia yang diamanahkan untuk menjaganya. Sebagai contoh, manusia ditegah membunuh atau menyeksa haiwan tanpa sebarang sebab yang dibenarkan syarak. Ini dapat diperhatikan melalui hadis sahih yang menceritakan seorang wanita diseksa di neraka atas kesalahan membiarkan kucingnya tanpa sebarang makanan atau diberi minuman.¹⁹

Perundangan Islam menetapkan pendirian yang jelas dalam memelihara komuniti haiwan dan berinteraksi dengannya. Jelasnya, kedudukan komuniti haiwan diberi sedikit keistimewaan berbanding ciptaan makhluk yang lain dalam alam ini. Kelompok haiwan adalah hampir dengan komuniti manusia kerana ia merupakan sebahagian makhluk bernyawa yang mempunyai roh. Keunikan ini menyebabkan ia mempunyai deria rasa dan memiliki perasaan yang tersendiri sesuai dan kejadian masing-masing.²⁰ Sebarang bentuk tindakan yang mengabaikan hak-hak haiwan adalah satu kezaliman dan perlu ditegah. Dalam hal ini, Allah S.W.T berfirman:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَائِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمَمٌ أَمْثَلُكُمْ ۚ مَا فَرَّطْنَا

فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ ۚ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ ﴿٢٠٥﴾

“Dan tidak seekor pun binatang yang melata di bumi, dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu. Tiada Kami

¹⁸ Asghar Ali (1993), “Islam and The Environment”, *Aliran Monthly*. Bil 13 (10). Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara, h. 25.

¹⁹ Qaḥṭan al-Dūri (1999), *Ṣaḥwat al-Aḥkām min Nayl al-Awṭār wa Subul al-Salām*. Amman: Dār al-Furqān. h. 458.

²⁰ Farḥ ibn Ṭāha Farḥ ‘Alī Ṭāha (2003), *al-Rifq bi al-Ḥayawān fi al-Islām*. Amman: Dār Wa’il, hh. 49-52.

tinggalkan sesuatu pun di dalam Kitab al-Quran ini; kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan). ”

(Surah al-An‘ām, 6: 38)

Dalam sebuah hadis, Rasulullah S.A.W turut memperakui penciptaan haiwan merupakan sebahagian komuniti dalam sistem kehidupan. Ia turut digelar sebagai “ummah” mengikut kesesuaian kejadiannya sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W:

لو لا أن الكلاب أمة من الأمم لأمرت بقتلها فاقتلوا منها الأسود البهيم

“Kalaupun tidak kerana anjing merupakan sekelompok daripada ummah, nescaya aku akan perintahkan untuk membunuhnya. Maka bunuhlah daripada kalangan anjing yang berwarna hitam gelap.”²¹

Dari sudut yang lain, tindakan haiwan yang tidak mampu dikawal sehingga menyebabkan kemusnahan harta atau nyawa tidak akan dipersoalkan atau tiada ganti rugi yang bakal dikenakan.²² Hal ini seiring dengan prinsip dalam kaedah fiqh berkaitan tindakan haiwan yang disandarkan terus kepada hadis Rasulullah S.A.W yang menyebut:

جناية العجاء جبار

“Kesalahan yang dilakukan oleh haiwan tidak dikenakan ganti rugi.”²³

Pencemaran kepada sumber alam juga dianggap sebahagian pencabulan hak yang ada pada nikmat ciptaan Allah S.W.T. Ini kerana setiap manusia berkongsi hidup untuk mendapati sumber alam seperti air, bahan api dan tanaman. Namun sekiranya, sebahagian sumber ini dicemari ia akan menyebabkan pihak lain tidak dapat lagi menggunakan dengan sebaiknya. Hubungan “mesra alam” seharusnya dijadikan amalan dalam menghormati kejadian alam sekitar.²⁴ Apa yang menarik dalam ajaran Islam ialah setiap tindakan kebaikan akan

²¹ Riwayat Abū Dāwūd (t.t.), Kitāb al-Ṣayd, Bāb fī Ittikhād al-Kalb li al-Ṣayd wa Ghayrihi, no. 2845; al-Tirmidhi, Kitāb al-Aḥkām wa al-Fawā'id, Bāb mā Jā'a fī Qatl al-Kilāb, no. 1486.

²² Al-Sibā'i, Muṣṭafā (1999), *Min Rawā'ī 'Hadāratinā*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 177-182.

²³ Muḥammad 'Uthmān Shibīr (2000), *al-Qawā'id al-Kullīyyah wa al-Ḍawābiṭ al-Fiqhiyyah fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*. Amman: Dār al-Furqān, h. 320.

²⁴ 'Awwād Khalaf (2004), “Al-Ḥimayah al-Bi'īyyah fī al-Aḥādīth al-Nabawiyyah”, *Journal of Islam in Asia*. Kuala Lumpur: The Reserch Centre IIUM, h. 229.

dijanjikan dengan ganjaran pahala dan setiap yang berbentuk pencabulan hak akan dikenakan dengan hukuman. Hal ini merupakan satu bentuk pertautan yang rapat antara amalan seharian manusia dengan aspek kerohanian dan ketakwaan dalam perancangan dan pengurusan fizikal.²⁵ Rasulullah S.A.W bersabda:

من أخطأ الأذى عن طريق المسلمين كتبت له حسنة ومن تقبلت
منه حسنة دخل الجنة

“Barangsiapa yang mengalihkan sebarang bahaya dari laluan orang-orang Islam, maka akan ditentukan baginya kebajikan, dan barangsiapa yang dikurniakan dengan kebajikan, ia akan (diberi jaminan) masuk syurga.”²⁶

Dalam hadis yang lain, Rasulullah S.A.W menegaskan tindakan mencabuli hak terhadap alam sekitar adalah satu kesalahan dan akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Sabda Rasulullah S.A.W:

ما من مسلم يقتل عصفورا فما فوقها بغير حقها إلا يسأله الله عز وجل عنها،
قيل: يا رسول الله، وما حقها؟ قال: أن يذبحها فيأكلها، ولا يقطع رأسها
ويرمي بها

“Barangsiapa yang membunuh burung merpati atau haiwan lain tanpa sebarang hak, maka Allah akan bertanya pada hari kiamat. Lalu Rasulullah S.A.W ditanya: Wahai Rasulullah, apakah hak haiwan tersebut? Rasulullah menjawab: Haknya ialah binatang itu disembelih dan kemudian dimakan, bukannya dengan membunuh sesuka hati dengan memotong kepala dan dicampaknya.”²⁷

²⁵ Noorazman Hashim, Mohd Shabri Yusof dan Amer Saifude Ghazali (2000), “Pemuliharaan Sumber Air dan Penggunaannya Menurut Perspektif Islam”, *Jurnal Tasawwur Islam*. Melaka: Jabatan Agama Islam Melaka, Jil. 5, hh. 110-112.

²⁶ Riwayat al-Tabrani (t.t.), *al-Mu‘jam al-Kabīr*, baqiyyat al-mim, mā asnada mā ‘qil ibn yasar, no. 16291.

²⁷ Riwayat al-Nasā’ī (t.t.), *Kitāb al-Ḍaḥāyā*, Bāb man Qatala ‘Uṣfūran bi Ghayr Ḥaqqihā, No. 4445; Ḥākim (t.t.), *Kitāb al-Dhabā’ih*, Bab man Dhabaḥa wa Lam Yusammi, No. 7574.

Tiada Kemudaratan dan Kerosakan

Kuasa dan amanah untuk mentadbir alam sekitar diberikan kepada manusia disebabkan keistimewaannya berbanding makhluk yang lain. Namun, tugas ini perlu dilakukan mengikut prinsip yang telah ditetapkan syarak. Dalam hal ini, setiap tindakan dalam mentadbir alam sekitar sewajarnya tidak membawa kepada kemudaratan dan kerosakan. Sebagai contoh, kerosakan terhadap kehidupan haiwan, pembaziran sumber alam dan bebanan kawasan penempatan manusia harus dielakkan.

Prinsip dalam *fiqh al-bī'ah* ini sejajar dengan saranan al-Quran yang memberi garis panduan tersebut. Antaranya, firman Allah S.W.T:

وَإِذَا تَوَلَّى سَعَىٰ فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ ۗ وَاللَّهُ لَا

يُحِبُّ الْفُسَادَ ﴿٢٠٥﴾

“Kemudian apabila dia pergi (dengan mendapat hajatnya), berusaha dia di bumi, untuk melakukan bencana padanya dan membinasakan tanaman-tanaman dan keturunan (binatang ternak dan manusia); sedang Allah tidak suka kepada bencana kerosakan.”

(Surah al-Baqarah, 2: 205)

Firman Allah S.W.T lagi:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ

إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿٨٥﴾

“Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi sesudah Allah menjadikannya (makmur teratur) dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu jika betul kamu orang-orang yang beriman.”

(Surah al-Arāf, 7: 85)

Membuat kerosakan bukanlah sikap orang yang beriman, bahkan tindakan tersebut akan menyusahkan makhluk Allah yang lain. Ini disokong lagi dengan penegasan yang dibuat oleh Rasulullah S.A.W:

لا ضرر ولا ضرار

“Tidak ada mudarat dan tidak dibenarkan membalas dengan kemudaratan.”²⁸

²⁸ Al-Bayhaqī, Aḥmad Ḥusin ‘Alī (1994), *Sunan al-Bayhaqī*. Mekah: Maktabah Dār al-Baz, Jil. 6, h. 69.

Hadis tersebut menjadi kaedah fiqh utama yang menerangkan dasar penting bagi setiap tindakan dan segala urusan manusia di muka bumi ini iaitu tidak melakukan kerosakan dalam sebarang aktiviti kehidupan. Semua kemudaratan yang boleh membawa kepincangan dalam kehidupan manusia dan alam persekitaran perlu dielak sejak awal lagi sebagai langkah pencegahan. Namun, apabila kemudaratan masih berlaku maka ia juga harus dihapuskan mengikut kaedah dan pendekatan yang terbaik.

Pengurusan Alam Berkualiti

Alam ciptaan Allah S.W.T semuanya memainkan peranan masing-masing. Kesemuanya saling bergantung harap antara satu dengan yang lain bagi mewujudkan satu sistem kehidupan yang seimbang mengikut peraturan yang telah ditetapkan atau disebut sebagai *summah Allāh*. Setiap sesuatu yang dijadikan oleh Allah S.W.T sama ada di langit mahupun di bumi mempunyai keistimewaan tersendiri dan membawa faedah kepada manusia itu sendiri. Firman Allah S.W.T:

الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ تَقْدِيرًا ﴿٢٥﴾

“Tuhan yang menguasai pemerintahan langit dan bumi dan yang tidak mempunyai anak, serta tidak mempunyai sebarang sekutu dalam pemerintahanNya dan Dialah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu lalu menentukan keadaan makhluk-makhluk itu dengan ketentuan takdir yang sempurna.”

(Surah al-Furqān, 25: 2)

Dalam ayat yang lain, Allah S.W.T berfirman:

إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ ﴿٤٩﴾

“Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan).”

(Surah al-Qamar, 54: 49)

Kesemua ayat ini menjelaskan ketelitian Allah S.W.T sebagai Pencipta segala makhluk yang ada di muka bumi atau di langit. Manusia sebagai makhluk yang terbaik perlu memikirkan bentuk pengurusan yang berkualiti

dalam memakmurkan alam ini mengikut kehendak dan ketentuan syarak. Kebersihan, adil dan kesederhanaan merupakan kaedah yang dititikberatkan dalam Islam dalam menguruskan persekitaran yang berkualiti. Rasulullah S.A.W melihat kepentingan pengurusan alam dan usaha yang berterusan dalam memakmurkan bumi perlu di ambil kira oleh setiap individu Muslim. Dalam hal ini, Baginda pernah bersabda:

إذا قامت الساعة وفي يد أحدكم فسيلة فإن استطاع ألا تقوم حتى يغرسها فليغرسها

“Sekiranya berlaku kiamat dan di tangan seseorang memiliki bijih benih, jika dia mampu untuk menanamnya, maka lakukanlah.”²⁹

Pandangan Rasulullah S.A.W itu boleh dianggap satu galakan untuk memakmurkan tanah dengan aktiviti pertanian atau aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan manfaat. Secara tidak langsung, ia juga memberi gambaran tentang kepentingan alam sekitar dalam apa jua keadaan melalui usaha pertanian. Ini ditegaskan juga oleh Rasulullah S.A.W dalam hadis yang lain:

من أحيا أرضاً ميتة فهي له

“Barang siapa yang memakmurkan kawasan tanah terbiar, maka dia adalah layak kepada tanah tersebut.”³⁰

Aspek kebersihan menjadi asas kepada penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar. Persekitaran yang bersih dan tidak tercemar memberi impak yang positif bukan sahaja kepada manusia, malah kehidupan makhluk yang lain. Saranan kebersihan adalah bermula dengan personaliti yang bersih dan kemudiannya diterjemahkan dalam gaya hidup seharian. Pelbagai hukum ditetapkan dalam fiqh Islam seperti berwuduk, tayamum, bersuci, mandi dan sebagainya demi mencapai matlamat kebersihan diri.³¹

Dari sudut pengurusan yang berkualiti, sifat amanah dititikberatkan kerana alam persekitaran adalah ciptaan Allah yang perlu dijaga dengan penuh tanggungjawab. Sikap ini juga perlu disokong dengan rasa kesederhanaan dan *qanā'ah* dalam hal-hal keduniaan.³² Aspek pencegahan menjadi kawalan utama dari sebarang tindakan penyelewengan atau pencemaran terhadap alam

²⁹ Riwayat Ahmad (t.t.), *Musnad Banī Hashim*, Anas ibn Malik, No: 12785.

³⁰ Riwayat al-Tirmidhi (t.t.), *al-Jāmi'*, Kitab al-Ahkām, Bāb mā dhukira fī ihya' arḍ al-mawāt, No: 1378, Abū Dāwūd (t.t.), *Sunan Abī Dawūd*, Kitab al-Kharaj wa al-Imārah wa Fay', Bāb fī Ihya' al-Mawāt, No: 3073.

³¹ Anas Mustafā Abū 'Ata (1994), *op.cit.*, hh. 10-13.

³² Noorazman Hashim, Mohd Shabri Yusof dan Amer Saifude Ghazali (2000), *op.cit.* h. 114.

sekitar. Sebarang proses pencegahan di peringkat awal lagi adalah lebih baik daripada merawat. Ini kerana, aktiviti pencegahan sekadar melibatkan aspek kesedaran dan keprihatinan semua individu masyarakat dalam memastikan persekitaran yang baik. Oleh yang demikian, kos perbelanjaan dapat dijimatkan dan digunakan dalam urusan yang lebih penting.

Rasulullah S.A.W banyak mengingatkan aspek kesedaran ini kepada umatnya bagi memastikan persekitaran berada dalam keadaan yang baik. Baginda pernah menghalang individu pergi ke kawasan berpenyakit bagi mengelak tersebarnya wabak ke tempat yang lain. Ini merupakan kawalan pencegahan melalui kuarantin sesuatu kawasan daripada wabak sesuatu penyakit. Kuarantin merupakan satu langkah pencegahan yang dapat menjimatkan kos berbanding rawatan yang bakal dikenakan apabila sudah tersebarnya sesuatu penyakit. Sabda Rasulullah S.A.W:

إذا سمعتم به بأرض فلا تدخلوا عليه، وإذا وقع بأرض وأنتم بها فلا تخرجوا
منها فراراً منه

“Sekiranya kamu mendengar terdapatnya wabak taun di sesuatu kawasan, maka janganlah menghampiri kawasan tersebut. Dan sekiranya sesuatu kawasan sudah ditimpa taun dan kamu berada di dalamnya, maka janganlah kamu keluar kerana lari daripadanya.”³³

Secara umumnya, pengurusan yang berkualiti adalah berasaskan empat asas nilai-nilai dalam Islam iaitu³⁴:

1. Sikap kemanusiaan (*al-Insāniyyah*).
2. Adil dalam tindakan.
3. Bekerja memakmurkan bumi.
4. Konsep *al-Ihsān* (ketelitian).

KESIMPULAN

Perbincangan hukum berkaitan dengan *fiqh al-bī'ah* perlu dipandang penting oleh semua pihak terutamanya mereka yang terlibat secara langsung dengan alam sekitar. Adalah menjadi satu kewajipan bagi mengetahui pentingnya alam sekitar kepada kehidupan berdasarkan nas-nas syarak yang disepakati. Memahami *fiqh al-bī'ah* merupakan perkembangan disiplin ilmu fiqh dalam

³³ Riwayat al-Bukhārī (t.t.), Kitāb al-Ṭibb, Bāb ma yudhkar fī al-Ṭa'ūn, No. 5728.

³⁴ Anas Muṣṭafā Abū 'Ata (1994), *op.cit*, hh. 27-28.

mendepani dan menyelesaikan isu-isu semasa masyarakat. Interaksi manusia dengan persekitaran adalah sangat rapat demi kelangsungan hubungan manusia dengan pencipta (*ḥabl min Allāh*) dan hubungan manusia dengan masyarakat (*ḥabl min al-nās*).

Nilai moral dan akhlak yang berpaksikan tauhid menjadi asas dalam memahami persekitaran. Manakala aspek pencegahan merupakan pengurusan alam sekitar yang terbaik. Prinsip *fiqh al-bī'ah* membuktikan keindahan Islam itu sendiri yang bersifat sempurna, saling lengkap melengkapi dalam menyelesaikan isu-isu kehidupan dan membina jalinan hubungan antara komuniti manusia dan persekitaran yang lestari.

Tujuh prinsip *fiqh al-bī'ah* yang digariskan berdasarkan nas syarak dalam membina hubungan antara komuniti manusia dan alam sekitar ialah:

1. Manusia merupakan makhluk istimewa dalam alam persekitaran yang berperanan sebagai khalifah untuk menguruskan alam dengan baik.
2. Setiap manusia diberikan sumber alam sebagai anugerah dan nikmat yang perlu disalurkan dalam bentuk yang mendatangkan manfaat.
3. Memakmurkan alam adalah tanggungjawab semua individu di muka bumi ini.
4. Setiap penciptaan makhluk berada pada ketelitian dan keseimbangan yang dikenali dengan *sunnah Allāh*.
5. Alam sekitar mempunyai hak-hak yang tersendiri dan unik yang wajib dihormati mengikut kesesuaian penciptaannya.
6. Tindakan mengurus alam sekitar tertumpu kepada perkara-perkara kebaikan dan tidak mendatangkan bahaya dan mudarat.
7. Aspek kualiti dititikberatkan sepanjang mengurus persekitaran demi kemakmuran setiap makhluk di muka bumi ini.

RUJUKAN

- ‘Abd Allah Qasīm al-Washly (1429), “al-Tawjīh al-Tashrīi al-Islāmiyy fī Naẓāfat al-Bī’ah wa Ṣiḥḥatihā”, *Majallat Jamī’ah Umm al-Qur’an*, Bil. 44.
- ‘Awwād Khalaf (2004), “al-Ḥimāyah al-Bi’iyyah fī al-Aḥādīth al-Nabawiyyah”, *Journal of Islam in Asia*. Kuala Lumpur: The Reserch Centre IIUM.
- Anas Mustafā Abū ‘Atā (1994), “Fiqh al-Bī’ah fī al-Syarī’ah al-Islāmiyyah”, (Disertasi Doktor Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia).

- Asghar Ali (1993), "Islam and The Environment", *Aliran Monthly*, Bil 13 (10), Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara.
- Farḥ ibn Ṭaha Farḥ 'Alī Ṭaha (2003), *al-Rifq bi al-Ḥayawān fī al-Islām*. Amman: Dār Wa'il.
- Fazlun M Khalid (2002), "Islam and The Environment", *Encyclopedia of Global Environmental Change*, Vol 5. Chichester: John Wiley and Sons Ltd.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'il (1996), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Beirut: Al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Idrīs Jum'ah Durār Bashīr (t.t.), *al-Ra'yu wa Atharuhu fī al-Fiqh al-Islāmī*. Kaherah: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Māwardī, 'Alī ibn Muḥammad al- (1985), *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mohamad Akram Laldin (2006), *Introduction to Shariah and Islamic Jurisprudence*. Kuala Lumpur: CERT Publications.
- Muḥammad 'Uthmān Shibīr (2000), *al-Qawā'id al-Kullīyyah wa al-Ḍawābiṭ al-Fiqhiyyah fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*. Amman: Dār al-Furqan.
- Muḥammad al-Dasūqī dan Aminah Jabir (t.t.), *Muqaddimah fī Dirāsāt al-Fiqh al-Islāmī*. Qatar: Dār al-Thaqāfah.
- Muḥammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī (1982), *al-Mu'jam al-Mufaṣṣal li Alfāz al-Qur'ān*. Turki: Al-Maktabah al-Islamiyyah
- Muḥammad Khalīl 'Itānī (2000), *al-Mu'jam al-Mufaṣṣal li Mawāḍī' al-Qur'ān al-Munazzal*. Beirut: Dar al-Ma'rifat
- Muḥammad Naif Ma'rūf (2000), *al-Mu'jam al-Mufahras li Mawāḍī' al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Nafā'is
- Muḥammad Sami Muḥammad 'Alī (t.t.), *al-I'jāz al-'Ilmi fī al-Qur'ān al-Karīm*. Damsyiq: Dār al-Maḥabbah
- Mustafa Abu Sway, "Towards an Islamic Jurisprudence of The Environment", <http://www.Iol.ie/~afifi/Articles/environment.htm>. 30 Ogos 2008.
- Noorazman Hashim, Mohd Shabri Yusof dan Amer Saifude Ghazali (2000), "Pemuliharaan Sumber Air dan Penggunaannya Menurut Perspektif Islam", *Jurnal Tasawwur Islam*, jilid 5. Melaka: Jabatan Agama Islam Melaka.
- Qaḥṭan 'Abd al-Raḥman al-Dūri (1999), *Ṣafwat al-Aḥkām min Nayl al-Awṭār wa Subul al-Salām*. Amman: Dār al-Furqān.

- Qarāḍawī, Yūsuf al- (2001), *Ri'āyah al-Bī'ah fī Syarī'ah al-Islām*. Kaherah: Dār al-Shuruq.
- Rāghib al-Aṣḥānī, al-Ḥusn ibn Muḥammad al- (1998), *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Sayed Sikandar Shah Haneef (2005), *Ethics and Fiqh for Daily Life: An Islamic Outline*. Kuala Lumpur: Research Centre IIUM.
- Sibā'ī, Mustafā al- (1999), *Min Rawāi' Haḍāratinā*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Usāmah Kāmil Abū Shaqrā (2001), *Dalīl al-Mawḍū'āt fī al-'Ayāt al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: Mu'assasah al-Rayyan
- Zuhayli, Wahbah al- (2007), *Mawsū'ah fī al-Fiqh al-Islāmī*. T.tp: Dār al-Maktabi.

